

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Elak ketirisan subsidi



ANWAR (tiga dari kanan) melancarkan Pangkalan Data Utama (Padu) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Elak ketirisan subsidi

PM jamin penerima yang berhak bakal nikmati kemudahan lepas lancar Padu

Putrajaya
Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam berkata pengenalan Pangkalan Data Utama (Padu) adalah selaras dengan pendekatan transformasi digital negara dengan jaminan bahawa setiap kemudahan kerajaan akan dinikmati penerima yang berhak. Berucap ketika melancarkan Padu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam, Anwar yang juga

Menteri Kewangan berkata melalui sistem berkenaan, setiap ketirisan dalam penyalaran bantuan dan subsidi kerajaan dapat dielakkan.

"Kita membangunkan sistem negara yang lebih canggih, yang mampu bersaing,"

"Perlu tekad baharu dan jangan tolah ansur kerana tanpa Padu terlalu banyak ketirisan, banyak kebocoran dan penipuan."

"Kalau tidak, tidak ada sebab masih ada kelompok miskin dalam negara," katanya.

Padu mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia, merupakan pangkalan data socio ekonomi negara yang bersepadu dengan menggabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan bagi memberikan gambaran seadilnya mengenai kedudukan socio ekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia. - Bernama

Segerakan skim upah lebih adil untuk penjawat awam

Putrajaya Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat mempercepatkan pelaksanaannya tahun lalu kerana kedudukan kewangan negara selain mewarisi hutang yang tinggel.

"Kita memutuskan untuk mempercepatkan pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam dan saudara harus percaya, kita tidak mempercepatkan pada tahun lalu kerana kita mewarisi kedudukan kewangan dan hutang negara ketika itu masih RM1.5 trilion dan defisit 5.6 peratus," katanya.

Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) mula digunakan pada 2 Januari 2024

Objektif PADU

- Memastikan bantuan dan perlindungan tepat sampai kepada yang sewajarnya
- Merapatkan jurang socioekonomi dengan mengimbangi keperluan rakyat

Kemaskini PADU akan bermula 2 Januari 2024